

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/JLD.2(28)

Tarikh : 30 Januari 2001

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya
88582 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Tingkat 5 dan 6, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Pertanian
Tingkat 5, Menara Khidmat
Jalanbelia
88000 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci No. 68
90009 Sandakan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 05 TAHUN 2001**

MEMBAWA PENGARUH ATAU TEKANAN LUAR UNTUK MENYOKONG TUNTUTAN/RAYUAN

Saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/ Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan bahawa terdapat Pegawai-pegawai serta anggota pekerja beberapa Jabatan/Agensi yang telah membawa atau cuba membawa pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong tuntutan/rayuan.

2. Pegawai-pegawai dan anggota pekerja telah membawa atau cuba membawa pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong tuntutan/rayuan bagi beberapa kes yang mana telah ditolak dan tidak diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) seperti berikut, iaitu supaya PMS :-

- (a) memberi kelulusan khas ke atas urusan perolehan yang tidak mematuhi Tatacara Kewangan dan Tatacara Perolehan serta telah berlaku penyelewengan;
- (b) memberi kelulusan khas bagi urusan penyelenggaraan/kerja kecil yang menggunakan syarikat yang berada serta beralamat beratus kilometer jauh dari tempat kerja penyelenggaraan dan kerja kecil berkaitan;
- (c) menarik-balik serta membatalkan syor surcaj yang telah diputuskan dan dikeluarkan arahan kepada Jabatan/Agensi;
- (d) menarik-balik serta membatalkan keputusan supaya bayaran diuruskan berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP)59, tetapi mendesak kelulusan khas diberi tanpa menggunakan AP59; dan
- (e) memberi kelulusan khas ke atas urusan perolehan/pembelian yang terdapat berlaku penyelewengan dan yang tidak mematuhi Tatacara Kewangan serta Tatacara Perolehan.

3. Adalah ditegaskan bahawa amalan membawa atau cuba membawa pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong tuntutan/rayuan dan supaya PMS menukarkan keputusan yang telah dibuat, merupakan satu kesalahan dari segi 'Tatakelakuan' di bawah Perintah Am Bab D – Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib). Pegawai-pegawai dan anggota pekerja yang terlibat serta bertanggungjawab boleh disyorkan untuk dikenakan tindakan tatatertib.

4. Sehubungan dengan itu, PMS berharap tindakan dan amalan yang tidak sihat itu diberhentikan dengan serta-merta. Kerjasama dan bantuan Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan amalan serta tindakan itu tidak berlaku lagi di Jabatan/Agensi Y.Bhg. Dato'/Datuk/ Tuan/Puan.

Di atas perhatian dan sokongan Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini sangatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

T.T

(DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan

Sabah

Pek.Perb.Bil.05tahun2001